

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 9 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 19

### Mengapa golongan pekerja mesti menyokong PADU

## Mengapa golongan pekerja mesti menyokong PADU

**PADA** separuh kedua 2024, setiap orang akan membayar harga yang berbeza untuk RON95. Sama ada mereka akan membayar lebih atau kurang bergantung kepada rekod dalam Pangkalan Data Utama (PADU).

Jika mendaftar sebagai 'miskin', anda mungkin membayar kurang daripada RM2.05 setiap liter RON95 selepas Jun tahun ini.

Sebaliknya, jika anda mendaftar sebagai 'kaya' mungkin terpaksa membayar lebih untuk seliter petrol.

Saya berani mengatakan bahawa kerajaan percaya struktur ekonomi kita condong kepada orang kaya dan bertentangan dengan kepentingan orang miskin.

Untuk mengimbangkan semula struktur ekonomi kita, kerajaan kemungkinan akan mengenakan cukai

kepada orang kaya dan membantu orang miskin.

Di sinilah pangkalan data PADU berperanan penting. Jika anda kaya, anda tidak mungkin mahu sistem PADU berjaya.

Golongan yang menentang akan mencipta pelbagai alasan seperti sistem PADU mudah digodam atau risiko keselamatan dan cuba menangguhkan pelaksanaannya.

PADU hanya akan gagal jika golongan pekerja yang merupakan penerima manfaat utama sistem ini percaya kepada keraguan dan syak wasangka yang disebarikan.

Kita mesti menyokong penuh matlamat kerajaan perpaduan untuk menjayakan sistem PADU.

- Nehru Sathiamoorthy



**Orang ramai mengambil peluang mendaftar PADU**